



## SPIRIT AEROSYSTEMS MALAYSIA SDN BHD

### KOD ETIKA DAN TATALAKU PERNIAGAAN

Spirit AeroSystems merupakan pembekal Tier 1 terbesar di dunia pemasangan pesawat komersil dan komponen. Kejayaan Spirit AeroSystems bergantung pada kepercayaan para pemegang kepentingan kami. Spirit akan menjalankan perniagaan dengan piawaian etika perniagaan yang tinggi, mengikut prinsip-prinsip yang akan memperoleh kepercayaan serta penghormatan , dan itu yang akan mewujudkan nilai jangka panjang, seperti:

- Menggunakan pertimbangan yang baik.
- Memajukan kepentingan perniagaan sah syarikat.
- Mengekalkan kerahsiaan.
- Menjalankan perniagaan secara jujur, adil, tidak memihak dan beretika.
- Melindungi aset-aset syarikat dan harta yang diamanahkan kepadanya.
- Mematuhi undang-undang, peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang berkenaan.
- Melaporkan apa-apa kelakuan tidak beretika atau menyalahi undang-undang kepada pihak pengurusan atau pihak berkuasa yang berkenaan.
- Melayan semua orang dengan hormat dan bermaruah.

Spirit AeroSystems Malaysia Sdn Bhd adalah komited untuk beroperasi dalam rangka kerja undang-undang, kaedah-kaedah dan peraturan yang berkaitan dengan perniagaannya. Standard tingkah laku profesional yang tinggi dan beretika diperlukan daripada semua kakitangan kami. Kod Etika dan Tatalaku Perniagaan ini mencerminkan komitmen kami terhadap budaya kejujuran, integriti dan akauntabiliti serta menggariskan prinsip asas, dasar dan prosedur di mana semua kakitangan Spirit AeroSystems Malaysia Sdn Bhd dikehendaki untuk mematuhi.

Setiap pekerja mempunyai kewajipan untuk melaporkan sebarang pelanggaran yang disyaki untuk polisi ini kepada pihak pengurusan dengan segera atau **Talian Bantuan Etika (1800-80-8421)**. Begitu juga, mana-mana pekerja yang tidak pasti sama ada pelanggaran telah berlaku atau yang memerlukan panduan mengenai sama ada untuk mengambil tindakan yang tertentu harus juga berunding dengan pengurusan atau talian Bantuan Etika ini.

Pekerja yang membuat aduan mesti bertindak dengan niat baik dan mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa maklumat yang diberikan menunjukkan pelanggaran. Tuduhan-tuduhan yang terbukti telah dibuat secara berniat jahat atau dengan pengetahuan bahawa dakwaan tersebut adalah palsu, akan diperlakukan sejajar dengan prosedur tatatertib syarikat.

Sila ambil sedikit masa untuk mengkaji Kod Etika dan Tatalaku Perniagaan Spirit AeroSystems Malaysia Sdn.Bhd .



## SPIRIT AEROSYSTEMS MALAYSIA SDN BHD

### KOD ETIKA DAN TATALAKU PERNIAGAAN

Kod Etika dan Tatalaku Perniagaan menggariskan kelakuan yang diharapkan daripada semua kakitangan Spirit AeroSystems Malaysia Sdn Bhd. Kejayaan Spirit AeroSystems Malaysia Sdn Bhd adalah bergantung kepada kepercayaan yang berkepentingan – pelanggan, pekerja, pembekal, pemegang saham dan komuniti di dalam syarikat. Spirit AeroSystems Malaysia Sdn Bhd akan menjalankan perniagaannya secara adil, saksama, dengan cara yang betul dan beretika dan mematuhi sepenuhnya undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkenaan. Integriti akan menyokong semua perhubungan syarikat. Spirit AeroSystems Malaysia Sdn Bhd akan menjalankan perniagaan dengan piawaian etika perniagaan yang tinggi. Dengan mengikuti prinsip-prinsip ini, kami akan mendapat kepercayaan dan penghormatan yang akan mewujudkan nilai jangka panjang.

Matlamat kami adalah bahawa Spirit AeroSystems Malaysia Sdn Bhd akan dikenali sebagai syarikat yang boleh dipercayai dalam semua aspek. Ini bermakna bahawa semua pekerja mestilah:

- Gunakan pertimbangan yang baik – tidak melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang mungkin mencipta konflik kepentingan bagi syarikat atau diri sendiri secara individu. Elakkan tindakan dan keadaan yang boleh menimbulkan persoalan terhadap kejujuran, kesaksamaan atau reputasi, atau menyebabkan rasa malu kepada syarikat.
- Memajukan kepentingan perniagaan sah syarikat. Pekerja tidak boleh menggunakan kedudukan, kuasa atau maklumat bukan awam mereka untuk keuntungan peribadi.
- Kerahsiaan akan dikekalkan bagi maklumat yang diperoleh sepanjang perniagaan.
- Menjalankan perniagaan secara jujur, adil, saksama dan beretika.
- Melindungi aset-aset syarikat dan harta yang diamanahkan kepadanya.
- Mematuhi undang-undang, peraturan dan kaedah yang berkenaan.
- Melaporkan dengan segera apa-apa kelakuan tidak beretika atau menyalahi undang-undang kepada pengurusan atau pihak berkuasa berkenaan.
- Melayan semua orang dengan hormat dan bermaruah.
- Memastikan bahawa amalan diskriminasi dielakkan dalam semua aspek urusan perniagaan kami.
- Tidak mendedahkan kerja-kerja syarikat, projek, maklumat, reka bentuk, arahan kerja, prosedur operasi standard, Laporan Kualiti, Indeks Kualiti dan dokumen ke luar kecuali kepada Spirit Group.
- Semua kerja-kerja, projek, tugas dan tugas yang berkaitan semasa latihan dan pekerjaan adalah hak-hak proprietari Spirit.

Setiap pekerja mempunyai tanggungjawab untuk bertanya soalan, mendapatkan panduan dan melaporkan pelanggaran Kod Etika dan Tatalaku Perniagaan ini.

Tindakan balas terhadap pekerja yang tampil ke hadapan untuk mengutarakan kemosykilan yang tulus tidak akan diterima.

#### **SAYA TELAH MEMBACA KOD ETIKA DAN TATALAKU PERNIAGAAN SPIRIT AEROSYSTEMS MALAYSIA SDN BHD DAN MENGESETAHUAN BAHAWA:**

- Saya memahami Kod Etika dan Tatalaku Perniagaan.
- Sepanjang pengetahuan saya, saya mematuhi kod dan akan terus kekal begitu.
- Saya akan terus mematuhi Kod Etika dan Tatalaku Perniagaan.

**Nama (Caps):** \_\_\_\_\_

**No Kakitangan :** \_\_\_\_\_

**Tandatangan:** \_\_\_\_\_

**Tarikh :** \_\_\_\_\_

\*Penafian : Sekiranya berlaku sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia , Bahasa Inggeris akan digunakan .